



BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF (J)



MySIKAP JPJ

RUJUKAN PERMOHONAN TEKNIKAL PORTAL JPJ
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

Pengenalan


Kejuruteraan Automotif adalah merupakan sub-modul di bawah Pengurusan Pendaftaran Kenderaan iaitu salah satu modul teras di bawah MySIKAP. Ia merangkumi skop-skop kerja yang berkaitan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan seperti berikut:

1. Penukaran Struktur Panel Kenderaan (Kemalangan)
2. Kelulusan Jenis Kenderaan (AP)
3. Kelulusan Kenderaan Klasik/ Vintaj
4. Cop Semula Nombor Casis dan Enjin
5. Pengubahsuaian Kenderaan:
 - i. Penukaran Kegunaan Bas
 - ii. Pengubahsuaian Kenderaan Orang Kelainan Upaya (OKU)
 - iii. Pelarasan / Kenaikan / Penurunan Had Berat Kenderaan
 - iv. Pemasangan Iklan
 - v. Penukaran Enjin
 - vi. Penukaran Jenis Badan
 - vii. Pemasangan Pagar Sisi
 - viii. Penukaran Kabin Kenderaan
 - ix. Penukaran Bilangan Tempat Duduk Penumpang
6. Pemasangan Lampu Mata Arah


Panduan di atas akan dikemaskini dari masa ke semasa.

Tatacara Permohonan Penggunaan Sistem JPJ MySIKAP


1. Taip di carian <https://public.jpj.gov.my/public/login.zul>. Pastikan pemilik kenderaan telah mendaftar ID MySIKAP.



2. Setelah Log Masuk ditekan, dikeluarkan paparan semua transaksi yang dibenarkan di setiap Bahagian, klick pada Kejuruteraan Automotif.



3. Setelah klik pada Kejuruteraan Automotif, dipaparkan menu-menu permohonan yang dibenarkan melalui system MySIKAP ini. Contoh-contoh adalah seperti di bawah.



Senarai Transaksi Melibatkan Kenderaan Beroperasi Di Jalan Raya



Permohonan Penukaran Struktur Panel Kenderaan (Kemalangan)
Permohonan bagi mendapatkan kelulusan membaiki kenderaan akibat kemalangan.



Kelulusan Jenis Kenderaan (AP Persendirian)
Permohonan mendapatkan kelulusan jenis kenderaan.



Lampu Mata Arah
Permohonan bagi permohonan pemasangan lampu mata arah.



Cop Semula No. Casis
-- Sila Pilih --

- Casis Berkarat / Reput
- Kemalangan
- Kes Kesilapan Pengilang
- Kenderaan Curi (Jumpa Semula)
- Duplikasi No. Casis



Cop Semula No. Enjin
-- Sila Pilih --



Status Permohonan
Papar Status Permohonan.

Senarai Transaksi Melibatkan Kenderaan Beroperasi Di Jalan Raya



Permohonan Penukaran Struktur Panel Kenderaan (Kemalangan)
Permohonan bagi mendapatkan kelulusan membaiki kenderaan akibat kemalangan.



Kelulusan Jenis Kenderaan (AP Persendirian)
Permohonan mendapatkan kelulusan jenis kenderaan.



Lampu Mata Arah
Permohonan bagi permohonan pemasangan lampu mata arah.



Cop Semula No. Casis
-- Sila Pilih --



Pengubahsuaian Kenderaan
-- Sila Pilih --



Cop Semula No. Enjin
-- Sila Pilih --



- Enjin Berkarat / Reput
- Rosak Akibat Masalah Enjin
- Kemalangan
- Kes Kesilapan Pengilang
- Kenderaan Curi (Jumpa Semula)

4. Klik pada Status Permohonan bagi melihat transaksi status permohonan terkini.

Senarai Permohonan

Muat Semula Permohonan

No. Rujukan (Sensitif Huruf)	Tarikh Permohonan	Status Permohonan	Modul	Jenis Permohonan
------------------------------	-------------------	-------------------	-------	------------------

SYARAT PERMOHONAN / PANDUAN PERMOHONAN PEMASANGAN PAGAR SISI



1. Kenderaan yang telah **BERDAFTAR** sahaja boleh mengemukakan permohonan.
2. Pemasangan pagar sisi yang dibenarkan khusus untuk membawa muatan **HASIL PERTANIAN SAHAJA** seperti kelapa sawit / baja / pokok kayu atau **BAHAN BUANGAN PERTANIAN**.
3. Pemilik perlu menyertakan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) yang menyatakan punca peniagaan adalah membawa **HASIL PERTANIAN** atau **BAHAN BUANGAN BERKAITAN PERTANIAN** sahaja.
4. Hanya melibatkan kenderaan barangan jenis **Kargo Am BDM \geq 7500 kg** dan semua kenderaan barangan jenis **TIPPER/ DUMPER**.
5. Pemasangan pagar sisi yang dipasang adalah **JENIS MUDAH ALIH** sahaja.
6. Kelulusan ini akan terbatal sekiranya berlaku tukar hak milik kenderaan.
7. Ketinggian pagar sisi yang dibenarkan bagi kenderaan barangan **Kargo Am** adalah seperti dibawah :

BDM / BGK, (kg)	Dinding Sisi Asal (mm)	Ketinggian Pagar Sisi Maksima, (mm)
7,500 \leq BDM/ BGK < 9,999	762	762
10,000 < BDM/ BGK < 13,999	813	813
BDM/ BGK \geq 14,000	914	914

8. Ketinggian pagar sisi yang dibenarkan bagi kenderaan barangan **Tipper / Dumper** adalah seperti dibawah :

<i>Tipper / Dumper</i>			
BDM / BGK, (kg)	Jarak Roda, WB (mm)	Dinding Sisi Asal (mm)	Ketinggian Pagar Sisi Maksima, (mm)
BDM/ BGK \leq 2,500	-	305	305
2,501 < BDM/ BGK < 5,999	> 2500	305	305
2,501 < BDM/ BGK < 5,999	\leq 2500	406	406
6,000 < BDM/ BGK < 20,999	-	610	610
BDM/ BGK \geq 21,000	-	762	762

① Istilah dan panduan grafik:



BDM: Berat dengan muatan

BGK: Berat gabungan kendaraan

X = Dinding sisi asal

WB = Jarak roda

SYARAT PERMOHONAN / PANDUAN PERMOHONAN **PENUKARAN ENJIN KENDERAAN**

1. Kategori permohonan tukar enjin kenderaan yang **PERLU MENDAPATKAN KELULUSAN** adalah seperti berikut:
 - i. Kenaikan Keupayaan Kapasiti (cc) Enjin Melebihi **30%** Daripada Enjin Asal.
 - ii. Penukaran Enjin Berlainan Bahan Bakar.
 - iii. Penukaran Enjin Bagi Kenderaan Perdagangan & Perkhidmatan Awam.
 - iv. Penukaran Enjin Berlainan Buatan Enjin.
 - v. Penukaran Enjin Motosikal.
2. Penukaran enjin bagi kategori (i) hanya melibatkan kenderaan jenis badan motokar sahaja.
3. Penukaran enjin motosikal hanya dibenarkan bagi buatan dan kapasiti yang sama sahaja.
4. Pemohon perlu mengemukakan Laporan Kastam, K1 apabila melibatkan pembelian enjin import.
5. Sekiranya enjin diperolehi daripada kenderaan lain, pemohon hendaklah mengemukakan surat rasmi pengesahan jual beli beserta Kad Perakuan Pendaftaran JPJK2 / Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC).
6. Surat Amanah Raya dan Perintah Mahkamah hendaklah disertakan bagi kes tuntutan harta pusaka.
7. Bagi kenderaan yang melakukan penukaran enjin lebih daripada sekali, perbezaan keupayaan enjin hendaklah diambil kira daripada kapasiti enjin pada pendaftaran yang asal.